

27 APR 2001

Abdullah-Umno

UMNO PERLU DEKATI RAKYAT DAN BERJUANG UNTUK MEREKA, KATA ABDULLAH

ALOR SETAR, 27 April (Bernama) -- Umno perlu mendekati rakyat dan berjuang untuk mereka sekiranya ia mahu terus menjadi parti yang mewakili rakyat, kata Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Kalau Umno mahu terus menjadi parti yang benar-benar mewakili rakyat, hasrat rakyat dan perjuangan rakyat maka Umno hendaklah bersungguh-sungguh mendekati mereka dan berjuang untuk rakyat," katanya.

Ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuala Kedah di sini, Abdullah berkata usaha itu akan menjadikan Umno parti yang mendapat sokongan rakyat.

Beliau mahukan anggota dan pemimpin di semua peringkat merapatkan barisan selepas pemilihan parti.

Katanya amalan demokrasi sebenarnya berjalan dengan baik sekiranya mereka mengekalkan perpaduan selepas pemilihan kerana menerima keputusan mengikut kehendak ramai.

Abdullah berkata para anggota Umno hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa, baik dan boleh membawa kejayaan kepada parti dan bukannya berdasarkan puak-puak.

"Apalah erti berjuang bersungguh-sungguh untuk menentukan barisan pimpinan parti tetapi kalah semasa menentukan wakil rakyat ketika pilihan raya," katanya.

Beliau berkata Umno terus hidup kerana wujudnya amalan demokrasi yang memberi peluang kepada anggotanya menentukan pemimpin mereka.

Abdullah turut membidas Pas kerana menggunakan agama untuk mendapatkan kuasa politik sedangkan Umno menggunakan kuasa politik untuk meningkatkan syiar Islam dan kemajuan umatnya di negara ini.

Beliau juga menyelar golongan yang sentiasa menfitnah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertujuan agar rakyat membenci pemimpin negara.

-- BERNAMA

JM MZM JM NMO